

Headline	Wartawan Sinar Harian diiktiraf		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	16
ArticleSize	296 cm ²	Journalist	AMRAN ALI
PR Value	RM 15,147		



Wartawan Sinar Harian diiktiraf

AMRAN ALI

MELAKA - Wartawan *Sinar Harian*, Siti Shahrosamirah Shaharman menerima Anugerah Wartawan Harapan sempena Malam Anugerah Media Melaka 2017 di sebuah hotel, di sini, malam kelmarin.

Siti Shahrosamirah, 32, membawa pulang sijil, trofi dan hadiah wang tunai disampaikan Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron.

Majlis anjuran Kerajaan Melaka dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB), bertujuan menghargai media yang banyak memberi sumbangan terhadap kemajuan negeri ini.

Sementara itu, Idris dalam ucapan perasmian berkata, media di Melaka mempunyai peranan besar melaporkan berita dan isu semasa, terutama program pembangunan dilaksanakan kerajaan negeri

sejak beliau menerajui pentadbiran pada 2013.

“Padamasasama, sayaturut berpesan kepada pengamal media supaya berhati-hati dengan berita diterima sebelum menyiarkannya. Kita juga tahu, mata pena lebih tajam daripada pedang,” katanya.

Selain itu katanya, media bukan sahaja menyalurkan maklumat, malah tugasnya lebih mencabar dalam membentuk masyarakat menerusi maklumat.

“Kerjaya media atau wartawan perlu dilihat sebagai satu tugas bernilai tinggi atas penulisan mereka peroleh daripada sumber sahih untuk dikongsi masyarakat,” katanya.

Turut hadir pada majlis bertemakan Rock N Roll itu, isteri Ketua Menteri, Datin Seri Fadilah Abdullah dan Exco Komunikasi dan Koperasi negeri, Datuk Latiff Tamby Chik.



Siti Shahrosamirah (depan, tiga kiri) menerima Anugerah Wartawan Harapan pada Malam Anugerah Media Melaka 2017, malam kelmarin.